

Headline	Jangan pinggir pesakit HIV/Aids		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	20	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	167 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 918
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,754



Jangan pinggir pesakit HIV/Aids

**SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI**

GEORGETOWN - Pesakit yang menghidap HIV dan Aids perlu dirawat sama seperti pesakit lain yang mengalami penyakit sepanjang hayat yang lain.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Jabatan Perubatan Hospital Pulau Pinang (HPP), Dr Chow Soo Ting berkata, stigma orang awam berhubung golongan pesakit itu menjadi halangan untuk meneruskan kehidupan berikutan mereka sering kali dikaitkan dengan seks bebas yang merupakan pantang larang dalam masyarakat tempatan.

"Kita semua harus mengabaikan punca mereka (pesakit) mendapat penyakit ini dan memberi tumpuan

bagaimana harus kita membantu mereka menjalani kehidupan yang normal.

"Selain itu, pesakit HIV dan Aids juga tidak perlu bimbang tentang rawatan mereka kerana bidang perubatan kita sudah maju iaitu pesakit perlu mendapatkan rawatan sekali sehari seperti pesakit sepanjang hayat yang lain," katanya kepada media selepas menghadiri Seminar Kesihatan Seksual Dalam Kalangan Masyarakat Terpinggir, semalam.

Menurutnya, sistem rawatan yang diberi nama Gabungan Anti-



SOO TING

retroviral Rawatan Bekam untuk pesakit HIV/Aids adalah sama seperti rawatan pesakit diabetes dan tekanan darah tinggi.

Soo Ting berkata, kadar kes HIV/Aids menurun sejak 2005 kerana ramai sedar tentang penyakit itu.

"Sejak kes pertama dikesan pada 1986, kes ini meningkat terutamanya pada 2000 hingga 2001 yang mencatatkan kes tertinggi," katanya.

Seminar berkenaan dianjurkan Persatuan Kesihatan Keluarga Pembangunan Pulau Pinang (PFHDA).